



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN
KOD KURSUS : DSM 2153
PEPERIKSAAN : APRIL 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: **BAHAGIAN A (60 Markah)**
 BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Bahagian A mengandungi **EMPAT (4)** soalan dan Bahagian B mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

SOALAN 1

Keperluan latihan diperlukan untuk mengatasi masalah prestasi pekerja, meningkatkan kemahiran dan kecekapan terhadap bidang kerja yang telah ditugaskan dalam organisasi. Oleh sebab itu, anda diminta untuk menjelaskan berkaitan kompenan Analisis Tugas dan Analisis Kerja dalam Analisis Keperluan Latihan.

(10 markah)

SOALAN 2

En. Rafiq merupakan seorang Pengurus Sumber Manusia di Factory Steel Enterprise Sdn Bhd. Setelah membuat semakan analisa pekerja terhadap Program Latihan Pekerjaan, beliau mendapati bahawa pekerjanya masih menunjukkan tahap prestasi kerja yang kurang memuaskan. Hal ini demikian kerana kerja-kerja pemasangan besi merupakan skop kerja yang baharu diperkenalkan dalam organisasi. Oleh itu, Penyelia mendapati bahawa pekerjanya masih tidak mempunyai kemahiran dalam pemasangan besi dan skru dengan kemas. Oleh yang demikian, program latihan yang dianjurkan oleh beliau perlu diperbaiki untuk pekerjanya.

- a. Bincangkan **lima (5)** teknik yang mungkin boleh digunakan oleh Encik Rafiq dan jurulatihnya untuk mempertingkatkan proses pemindahan latihan kepada pekerjanya.

(10 markah)

- b. Berdasarkan kajian kes di atas, apakah kesan pemindahan latihan terhadap pekerja di Syarikat Factory Steel Enterprise Sdn Bhd?

(5 markah)

- c. Jelaskan **dua (2)** jenis pemindahan latihan dan berikan contoh yang sesuai.

(5 markah)

SOALAN 3

Syarikat Heavy Transportation Sdn Bhd bercadang untuk melaksanakan Program Latihan dan Pembangunan Pekerja kepada staf pengurusan syarikat itu. Program latihan yang akan dilaksanakan adalah "Program Kepimpinan dan Kerjasama Berkumpulan". Oleh yang demikian, anda diminta untuk menyediakan kertas kerja bagi pelaksanaan program berkenaan.

(20 markah)

SOALAN 4

Sebagai jurulatih program, mengapakah En. Ariff memilih teknik latihan lakon peranan dan perbincangan kumpulan sewaktu melaksanakan program latihan di Syarikat Geodis Sdn Bhd?

(10 Markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Amiruddin ialah seorang pekerja yang berumur dalam lingkungan 26 hingga 35 tahun. Beliau telah terpilih untuk menghadiri latihan keselamatan di tempat kerja disebabkan oleh masalah kecuaian mengendalikan mesin. Terdapat perubahan peningkatan prestasi kerja yang ditunjukkan oleh Amiruddin selepas menghadiri program latihan itu selama sebulan. Antara perubahan yang ditunjukkan oleh Amiruddin ialah peningkatan kemahiran dalam mengendalikan mesin dan bermotivasi untuk meningkatkan hasil serta mutu kerja. Program latihan ini telah menyebabkan perubahan terhadap tahap tingkah laku kerja yang ditunjukkan oleh Amiruddin kepada majikannya.

- a. Jelaskan bagaimana pendekatan yang digunakan oleh Kickpatrick untuk menilai tahap keberkesanan Amiruddin terhadap program latihan yang dihadiri oleh beliau?

(20 markah)

- b. Melalui pemantauan terhadap perubahan sikap Amiruddin, Pengurus Sumber Manusia mendapati bahawa Amiruddin telah melalui fasa Model Perubahan Kurt Lewin iaitu Pencairan, Peralihan dan Pembekuan Semula. Huraikan **tiga (3)** proses ini untuk membantu pengurus menilai sikap perubahan pelatihnya.

(10 markah)

SOALAN 2

Pekerja merupakan "Aset" dalam Organisasi untuk mengurus, mentadbir dan mengawal aktiviti-aktiviti kerja dalam organisasi. Amalina seorang pekerja di Syarikat Biskut Munchy's Sdn Bhd. Beliau telah berkhidmat sebagai Pengurus Operasi selama 30 tahun. Sebelum menjadi Pengurus Operasi, Amalina merupakan seorang penyelia di Jabatan Operasi dan dinaikkan pangkat kerana prestasi dan komitmennya yang telah mencapai standard piawaian prestasi syarikat. Mengikut amalan pengurusan sumber manusia, Amalina merupakan seorang pekerja yang taat setia terhadap majikannya. Pada pendapat anda, apakah proses pembangunan kerjaya yang telah dilalui oleh Amalina disepanjang perkhidmatannya di Syarikat Biskut Munchy's Sdn Bhd?

(10 markah)

[40 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**

O

O